

MAHATHIR - MINYAK RRR

KUALA LUMPUR, 5 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA MALAYSIA AKAN MENINGKATKAN PENGELUARAN MINYAKNYA UNTUK MEMENUHI PERMINTAAN NEGARA-NEGARA PENGIHPORT.

JUMLAHNYA BELUM DITENTUKAN TETAPI IA AKAN DIDASARKAN KEPADA PERMINTAAN, KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN KOHPLEKS PENERANGAN PELANCONGAN MALAYSIA (MATIC) DI JALAN AMPANG, DI SINI.

KATANYA, BANGLADESH DAN PAKISTAN TELAH MEMINTA MALAYSIA MENGEKSPORT MINYAK KE NEGARA-NEGARA ITU.

BULAN LEPAS, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA PENGELUARAN MINYAK MENTAH PETRONAS DITINGKATKAN SEBANYAK 10,000 TONG SEHARI. SEBELUM DARIPADA ITU, MALAYSIA MENGELUARKAN 595,000 TONG SEHARI.

KETIKA DITANYA SAMA ADA PETRONAS AKAN MENINGKATKAN PENGELUARAN MINYAK MENTAHNYA SEHINGGA KEPADA 650,000 TONG SEHARI, PERDANA MENTERI BERKATA, IA BERGANTUNG KEPADA PERMINTAAN.

+KITA TIDAK MAHU HARGA MINYAK MENINGKAT TERLALU TINGGI KERANA IA AKAN MENDATANGKAN KESAN KEPADA EKONOMI KEBANYAKAN NEGARA TERMASUK NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN YANG TIDAK HENGELUARKAN MINYAK,+ KATANYA. -- LAGI

1920MST 05 09 90

D274

UB660 A A B

MAHATHIR - MINYAK 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, SEBARANG KEMELESETAN EKONOMI AKAN MERUGIKAN NEGARA DAN OLEH ITU MALAYSIA AKAN BEKERJASAMA DENGAN NEGARA-NEGARA YANG MENGELUARKAN MINYAK.

DITANYA SAMA ADA HARGA HARGA MINYAK AKAN DINAIKKAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KAJIAN MENGENAINYA BELUM SIAP.

KATANYA, PIHAK YANG HENYEDIKAN LAPORAN ITU TELAH DIMINTA MEHBERIKAN ANGKA-ANGKA DI DALAM LAPORAN TERSEBUT DAN OLEH ITU, LAPORAN TERSEBUT TERLEWAT SEDIKIT UNTUK DISIAPKAN.

KATANYA, HARGA MINYAK JUGA TIDAK STATIK DAN OLEH ITU PERUBAHAN-PERUBAHANPERLU DIKUTI.

DITANYA BILA LAPORAN ITU DIJANGKA SIAP, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU BERHARAP IA AKAN DAPAT DISIAPKAN SEBELUM MESYUARAT MINGGUAN KABINET MINGGU DEPAN. -- LAGI

1951MST 05 09 90

0275

UB661 A A B

MAHATHIF - MINYAK 3 KUALA LUMPUR

PADA 27 OGOS LEPAS, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA KERAJAAN SEDANG MENJALANKAN KAJIAN MENYELURUH TENTANG KESAN SEBENAR KENAIKAN HARGA MINYAK KE ATAS KESEMUA BARANGAN YANG DIPASARKAN DI NEGARA INI.

KAJIAN ITU DIJALANKAN OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BANK NEGARA DAN KEMENTERIAN KEWANGAN EKORAN KRISIS TELUK.

MENGENAI MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO PADA SABTU INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, IA AKAN MEMBINCANGKAN PELBAGAI PERKARA TERMASUK PILIHANRAYA DAN CALON-CALON UMNO.

KATANYA, BARISAN NASIONAL SEHINGGA INI BELUM MENENTUKAN CALON-CALONNYA UNTUK PILIHANRAYA UMUM AKAN DATANG. -- BERNAMA